



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERBANDINGAN ANTARA NOVEL PUJANGGA MELAYU DENGAN
NOVEL ELIZABETH COSTELLO BERDASARKAN KERANGKA FIKSYEN
FALSAFAH OLEH JUKKA MIKKONEN***

NUDRA SHAFINI BINTI HALIS AZHAN

FBMK 2021 10



**PERBANDINGAN ANTARA NOVEL *PUJANGGA MELAYU* DENGAN
NOVEL *ELIZABETH COSTELLO* BERDASARKAN
KERANGKA FIKSYEN FALSAFAH OLEH JUKKA MIKKONEN**

Oleh

NUDRA SHAFINI BINTI HALIS AZHAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Jun 2020

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI



**Buat yang paling istimewa:
Ayahanda & Bonda**

Abstrak tesis yang dikemukakan untuk Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan Ijazah Master Sastera

**PERBANDINGAN ANTARA NOVEL *PUJANGGA MELAYU* DENGAN
NOVEL *ELIZABETH COSTELLO* BERDASARKAN
KERANGKA FIKSYEN FALSAPAH OLEH JUKKA MIKKONEN**

Oleh

NUDRA SHAFINI BINTI HALIS AZHAN

Jun 2020

Pengerusi : Mohd. Zariat bin Abdul Rani, Ph.D
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Tesis ini bertitik tolak daripada kenyataan Mohd. Affandi Hassan dan Ungku Maimunah Mohd. Tahir bahawa novel *Elizabeth Costello* karya seorang penerima Hadiah Nobel Kesusasteraan 2003 iaitu J. M. Coetzee, menepati ciri-ciri novel ilmu/falsafah yang ditawarkan oleh Persuratan Baru. Ciri-ciri yang sama dikenal pasti hadir menerusi karya kreatif Mohd. Affandi Hassan sendiri iaitu *Pujangga Melayu* yang rata-rata diterima sebagai “manifestasi konkrit” kepada gagasan tersebut. Hal ini sekali gus mengundang satu perbandingan antara kedua-dua buah novel. Pengamatan awal terhadap kajian-kajian ilmiah menunjukkan bahawa kedua-dua buah novel menyampaikan ilmu atau falsafah. Di satu pihak, *Pujangga Melayu* rata-ratanya diperakukan sebagai sebuah “novel ilmu” dengan penerapan Persuratan Baru. Di satu pihak lagi, *Elizabeth Costello* rata-ratanya diperakukan sebagai sebuah “fiksyen falsafah” dengan penelitian terhadap pengisiannya yang filosofikal. Hakikat ini mengundang satu penelitian ilmiah yang mendalam terhadap kedua-dua buah novel. Bagi merungkaikan permasalahan yang dinyatakan, tesis ini menstrukturkan tiga objektif. Pertama, menganalisis novel *Pujangga Melayu* dan *Elizabeth Costello* berdasarkan kerangka Fiksyen Falsafah yang digariskan oleh Jukka Mikkonen. Kedua, membandingkan antara novel *Pujangga Melayu* dengan *Elizabeth Costello* sebagai karya “fiksyen falsafah”. Dan ketiga, merumuskan kedudukan *Pujangga Melayu* dan *Elizabeth Costello* sebagai karya “fiksyen falsafah”. Oleh itu, tesis ini memilih kerangka Fiksyen Falsafah cetusan Jukka Mikkonen sebagai alat analisis. Pemilihan ini didasarkan kepada penubuhan kerangka Fiksyen Falsafah sendiri yang menganjurkan karya fiksyen sebagai medium untuk menyampaikan falsafah. Antara konsep penting yang digariskan daripada kerangka Fiksyen Falsafah adalah “Pernyataan Sastera” iaitu konsep yang

memperakukan wujudnya keterjalinan antara “Pernyataan Naratif” dengan “Pernyataan Langsung” dalam bentuk yang nyata dan eksplisit. Dengan menerapkan kerangka Fiksyen Falsafah ke atas *Pujangga Melayu* dan *Elizabeth Costello*, tesis ini mengemukakan beberapa dapatan penting. Pertama, kedua-dua buah novel mengandungi “Pernyataan Naratif” yang berjaln dengan “Pernyataan Langsung”. Kedua, *Pujangga Melayu* didapati menghadirkan “Pernyataan Langsung” dalam tempoh penceritaan, sebagaimana yang terserlah pada jumlah halaman, penyusunan falsafah dan pemikiran serta pemanipulasian “Pernyataan Naratif” secara menyeluruh agar akur kepada falsafah dan pemikiran yang disampaikan. Ketiga, *Elizabeth Costello* didapati menghadirkan “Pernyataan Naratif” dalam tempoh penceritaan, sebagaimana yang dapat diteliti pada jumlah halamannya, falsafah dan pemikirannya yang tidak tersusun secara kronologikal agar akur kepada falsafah dan pemikiran yang dimuatkan. Tesis ini, di satu pihak, membuktikan status “novel ilmu” *Pujangga Melayu* masih utuh dengan penerapan kerangka selain Persuratan Baru. Manakala di satu pihak lagi, tesis ini mengesahkan dakwaan sarjana dan pengkritik sastera bahawa *Elizabeth Costello* merupakan “fiksyen falsafah” menerusi penelitian ke atas medium yang dimanfaatkan untuk menyampaikan falsafah. Secara keseluruhannya, kajian ini berupaya menyerlahkan kelebihan kedua-dua buah novel yang dikaji sebagai karya fiksyen falsafah berdasarkan kerangka “Fiksyen Falsafah” yang dicituskan oleh Jukka Mikkonen.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**A COMPARATIVE STUDY BETWEEN
PUJANGGA MELAYU AND ELIZABETH COSTELLO
BASED ON PHILOSOPHICAL FICTION BY JUKKA MIKKONEN**

By

NUDRA SHAFINI BINTI HALIS AZHAN

June 2020

Chairman : Mohd. Zariat Abdul Rani, Ph.D
Faculty : Modern Languages and Communication

This thesis stems from statements made by Mohd. Affandi Hassan and Ungku Maimunah Mohd Tahir that highlight *Elizabeth Costello*, a novel written by 2003 Nobel Laureate of Literature, J. M. Coetzee, as a work which fulfilled the criterias of “novel of ideas” as offered by *Persuratan Baru* (translated by Mohd. Affandi Hassan as “Genuine Literature”). The same criterias of “novel of ideas” as identified in Mohd. Affandi Hassan’s novel, *Pujangga Melayu*, paving the route for a comparative study of the two novels. A literature review confirmed that both novels contain vulnerable ideas or philosophies. On one hand, *Pujangga Melayu* is labelled as “novel of ideas” by applying *Persuratan Baru*. In other words, applying frameworks other than *Persuratan Baru* failed in defending the status of “novel of ideas”. On the other hand, *Elizabeth Costello* is labelled as a “philosophical fiction” with close observation on its philosophical content. In other words, to date, there is no study yet conducted to examine the use of fiction to convey philosophy. This evidence invites a research to be conducted. Thus, this thesis is structured to achieve three important objectives, namely to analyse, to compare and to formulate *Pujangga Melayu* and *Elizabeth Costello* as Philosophical Fictions. As stated in the objectives, this thesis has chosen to apply the Philosophical Fiction framework by Jukka Mikkonen as its analytical framework. This selection is based on the establishment of the framework itself that acknowledge fiction as a medium to convey philosophy. Among the important concepts highlighted by Philosophical Fiction framework are “Literary Assertions” which acknowledge intertwining of narrative aspect (“Fictional Sentences”) and philosophy aspect (“Direct Assertions”) in the explicit form. By applying Philosophical Fiction framework onto *Pujangga Melayu* and *Elizabeth Costello*, this study has resulted three important findings. First, both novels

contain “Fictional Sentences” that intertwines with “Direct Assertions”. Second, *Pujangga Melayu* utilises “Direct Assertions” loads within the storyline, as shown in total pages, the arrangement of philosophical discussions, and manipulation of “Fictional Sentences” to convey philosophical points. Third, *Elizabeth Costello* utilises the manipulation of “Fictional Sentences” within the storyline, as shown in total pages and chronologically unarranged philosophical discussions. On one hand, this thesis proves the status of “novel of ideas” of *Pujangga Melayu* is still intact by applying analytical framework other than *Persuratan Baru*. On the other hand, this thesis also works as a compliment to the general statements made by scholars and researcher that *Elizabeth Costello* is a “philosophical fiction” by studying the medium of fiction as a conveyor of philosophy. All in all, this study highlights the strength of both studies novels as “Philosophical Fiction” according to Jukka Mikkonen’s framework.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW

Tesis ini bertitik tolak daripada pemahaman yang saya peroleh sepanjang mengikuti kuliah-kuliah sastera Melayu kelolaan Profesor Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani, khususnya pada tahun 2015 dan 2016, iaitu ketika saya masih dalam pengajian Bachelor Komunikasi, UPM. Menerusi kuliah-kuliah tersebut, saya diperkenalkan dengan teori-teori sastera Melayu, antara lain ialah Persuratan Baru yang digagaskan oleh Mohd. Affandi Hassan.

Hakikat tersebut tidak dapat tidak, telah mengundang rasa ingin tahu yang mendalam, dan sehingga ke hari ini, telah membawa saya menelusuri sebahagian besar hujah-hujah ilmiah yang penting dalam Persuratan Baru. Antara hujah ilmiah yang saya maksudkan adalah konsep *stylization of ideas* (diterjemahkan secara longgar oleh Mohd. Affandi Hassan sendiri sebagai "siratan makna") yang ditawarkan oleh Persuratan Baru bagi menggantikan aspek-aspek penulisan kreatif konvensional. Dalam usaha memahami konsep ini, saya telah menelaah beberapa bahan bacaan berkaitan dan bertemu dengan satu kenyataan yang menarik perhatian iaitu: konsep ini terguna pakai kepada semua karya kreatif dan tidak terbatas kepada kedaerahan. Kenyataan tersebut semakin jelas apabila pembacaan saya beberapa kali menangkap tulisan Mohd. Affandi Hassan yang mengulang bahawa wujud persamaan bentuk antara *Pujangga Melayu* dengan *Elizabeth Costello*. Dalam beberapa siri pertemuan pertama saya dengan penyelia, satu persoalan telah berbangkit iaitu adakah *Elizabeth Costello* berkemungkinan lahir daripada satu tradisi kesusasteraan tertentu di Barat, dengan mengambil kira bentuknya yang didakwa sebagai asing (*unusual*).

Kajian ini telah berusaha sebaik mungkin untuk menggambarkan sepenuhnya korpus penyelidikan berkaitan dengan topik kajian. Walau bagaimanapun, saya terpaksa akur terhadap pembatasan jumlah halaman tesis yang hanya membenarkan penyerahan berjumlah 150 halaman. Setelah beberapa siri perbincangan dengan penyelia dan tanpa mengubah objektif asal tesis ini ditulis, satu kata putus telah dicapai untuk menanggalkan sejumlah besar hasil penyelidikan ini daripada halaman tesis. Keputusan ini dipersetujui bagi menghormati garis panduan penulisan tesis yang telah ditetapkan oleh UPM.

Sepanjang menjalankan penyelidikan dan penulisan tesis, saya telah terhutang budi kepada beberapa pihak. Hanya Allah SWT sahajalah yang dapat membalasnya. Pertama, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani, penyelia tesis dan juga guru yang telah memberikan saya ilmu dan bimbingan dengan penuh ikhlas dan sabar. Saya amat menghargai kepercayaan dan ruang yang diberikan kepada saya untuk meneroka cabang-cabang ilmu sepanjang menjalankan penyelidikan. Sesungguhnya, setiap darinya memberikan saya pengalaman berharga. Saya juga terhutang budi atas jasa baiknya menerima saya sebagai GRF pada semester pertama pengajian. Kepada Profesor Madya Dr. Salmah Jan Noor Muhammad, saya amat berterima kasih atas masa dan perhatian yang diperuntukkan bagi meneliti serta memberi komen kritis yang membina terhadap draf-draf tesis saya.

Dalam kesempatan ini, penghargaan dan terima kasih saya juga kepada Tuan Haji Mohd. Affandi Hassan, yang dengan Persuratan Barunya, saya bertemu "*freedom*" dan "*certainty*" yang saya cari. Tidak dilupakan ialah penghargaan dan terima kasih saya kepada Profesor Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir, yang menerusi tulisan-tulisannya, saya meraih pemahaman yang lebih baik tentang Persuratan Baru, khususnya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Jukka Mikkonen, yang menerusi "*Philosophical Fiction*"nya, saya berupaya menelusuri tulisan-tulisan akademik Barat mengenai hubungan "falsafah" dengan "fiksyen" secara sistematik, sekaligus membantu penyelidikan dan penulisan tesis ini.

Turut dihargai ialah Jawatankuasa Peperiksaan Tesis iaitu Profesor Madya Dr. Arba'ie Sujud, Profesor Dr. Hashim Ismail dan Dr. Adi Yasran Abdul Aziz yang telah meneliti dan menilai tesis ini dengan kritis dan bertanggungjawab.

Rakaman penghargaan ini juga ditujukan khusus buat Tan Sri Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas atas tulisan-tulisannya yang amat bermanfaat. Penghargaan juga kepada para pensyarah WISE 2019 iaitu Profesor Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud, Profesor Madya Dr. Khalif Muammar, Profesor Madya Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah, Dr. Mohd. Farid Mohd. Shahrar, Dr. Mohd. Sani Badron, Dr. Mohd. Zaidi Ismail, Encik Asham Ahmad dan Encik Roslan Jelani – yang melalui kuliah mereka, telah membantu saya memahami kedua-dua pandangan-hidup Islam dan pandangan-hidup Barat.

Tidak terkecuali, ucapan terima kasih saya ditujukan kepada staf dan pustakawan Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM; Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM; Perpustakaan ATMA, UKM; Perpustakaan Utama, UM; Perpustakaan Za'ba, UM; dan Pusat Dokumentasi Melayu, DBP atas segala kerjasama yang diberikan dalam membantu saya mendapatkan bahan penyelidikan. Dalam keterbatasan ruang ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Sdr. Anis Shahirah Zulkifli yang telah bersusah payah membantu saya dalam mendapatkan bahan penyelidikan, serta rakan-rakan seperjuangan lain – yang tak dapat saya sebutkan semua nama di sini – kerana telah memberikan bantuan daripada pelbagai segi, sepanjang usaha penyelidikan dan penulisan tesis ini.

Di ruang ini juga ingin saya abadikan penghargaan dan terima kasih kepada dua saudara kandung saya, Hafidan Izrad dan Farhan Ariff, yang dengan cara tersendiri, telah memberikan dorongan yang tidak berbelah bahagi.

Akhir sekali dan paling istimewa, saya amat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana mengurniakan saya ayah, Halis Azhan Mohd. Hanafiah dan ibu, Rahani Ibrahim yang setia menyokong cita-cita saya dengan cinta dan kepercayaan, malah memberikan saya sepenuh ruang dan pemahaman untuk menempuh perjalanan ini. Doa restu mereka ialah kekuatan saya untuk meneruskannya.

NUDRA SHAFINI HALIS AZHAN
Bandar Baru Bangi,
20 Mei 2021.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 30 Jun 2020 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nudra Shafini binti Halis Azhan bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Perbandingan Antara Novel *Pujangga Melayu* Dengan Novel *Elizabeth Costello* Berdasarkan Kerangka Fiksyen Falsafah oleh Jukka Mikkonen” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Adi Yasran Abdul Aziz, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arba'ie Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Hashim Ismail, PhD

Profesor
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

ZURIATI AHMAD ZULKARNAIN, Ph.D

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd. Zariat Abdul Rani, Ph.D

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Salmah Jan Noor Muhammad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, Ph.D

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Mac 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nudra Shafini binti Halis Azhan (GS51615)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Salmah Jan Noor Muhammad, PhD

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Permasalahan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Teks Kajian	11
1.6 Kerangka Analisis	12
1.7 Pentakrifan Operasional	14
1.7.1 Fiksyen Falsafah	14
1.7.2 Pernyataan Sastera	15
1.8 Organisasi dan Pembahagian Bab	17
1.9 Kepentingan Kajian	18
2 SOROTAN LITERATUR	20
2.1 Pengenalan	20
2.2 <i>Pujangga Melayu</i> Sebagai Novel Ilmu	20
2.3 <i>Elizabeth Costello</i> Sebagai Novel Falsafah	44
3 “FIKSYEN FALSAPAH” MENURUT JUKKA MIKKONEN: SATU KERANGKA ANALISIS	60
3.1 Pengenalan	60
3.2 Fiksyen Falsafah Menurut Jukka Mikkonen	60
3.2.1 Pernyataan Sastera (“ <i>Literary Assertions</i> ”)	73
3.3 Ikhtisar	86
4 ANALISIS PERBANDINGAN <i>PUJANGGA MELAYU</i> DAN <i>ELIZABETH COSTELLO</i> BERDASARKAN KERANGKA FIKSYEN FALSAPAH OLEH JUKKA MIKKONEN	88
4.1 Pengenalan	88
4.2 Pernyataan Sastera	89
4.2.1 Pernyataan Naratif	90
4.2.2 Pernyataan Langsung	112

4.3	Kesimpulan	160
5	RUMUSAN DAN KESIMPULAN	162
	BIBLIOGRAFI	166
	BIODATA PELAJAR	172



SENARAI SINGKATAN

<i>PM</i>	<i>Pujangga Melayu</i>
<i>EC</i>	<i>Elizabeth Costello</i>
MAH	Mohd. Affandi Hassan
JMC	John Maxwell Coetzee
PB	Persuratan Baru



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kesusasteraan bandingan merupakan satu disiplin yang tidak asing lagi dalam dunia sastera. Wellek dan Warren (1954: 39-41) mentakrifkan kesusasteraan bandingan sebagai satu kajian ke atas lebih daripada dua teks sastera, selain menganggap kajian ke atasnya dilakukan secara menyeluruh dan sejagat ("*study of literature in its totality*"). Takrifan ini dapat difahami dengan lebih mendalam menerusi definisi yang dikemukakan oleh Bassnett (1993: 1) yang mentakrifkan kesusasteraan bandingan sebagai satu kajian antara disiplin (*interdisciplinary*) yang bertujuan untuk meneliti hubungan beberapa buah teks yang dihasilkan daripada budaya, masa dan ruang yang berbeza. Terlepas daripada takrifan Bassnett, Zepetnek (1998: 13) menyatakan bahawa penelitian ke atas dua (atau lebih) teks sastera yang hadir daripada bahasa kebangsaan berlainan juga dapat dipertimbangkan sebagai kajian sastera bandingan. Dari satu sudut lain, Corstius (1968: 165) menekankan bahawa latar belakang (*background*) kepada sesebuah karya sastera merupakan aspek penting yang sering menjadi perhatian dalam sesebuah kajian perbandingan, terutamanya soal pergerakan, pemikiran atau ideologi yang melingkari zaman penerbitan karya sastera berkenaan. Dalam erti kata yang mudah, kesusasteraan bandingan merupakan satu kajian yang meneliti dua (atau lebih) sastera yang lahir daripada tradisi yang berbeza.

Antara tuntutan penting kepada perlunya kesusasteraan bandingan ini adalah untuk mewujudkan ilmu (*producing knowledge*) (Nemesio, 1999: 2), selain untuk mewujudkan satu cara baharu dalam berfikir (Dziub, 2019: 16). Guillen (1993: 3) pula menyatakan bahawa kesusasteraan bandingan dapat menyumbang kepada korpus keserjanaan sejagat dan tidak lagi dianggap sebagai satu kajian yang bersifat *mono*, sebagaimana katanya, "*What is fundamental is [that for comparative literature] the obvious contribution to the history or the concept of literature of several classes and categories that cannot be regarded as merely national in nature*" (Guillen, 1993: 3). Dalam tulisan yang lain, Guillen (2004: 11) menegaskan bahawa sumbangan ini dimungkinkan oleh sifat (*nature*) kesusasteraan bandingan itu sendiri yang merangkumi sistem pengetahuan yang sistematik mengenai sastera dalam konteks yang sejagat. Dalam konteks ini, Villanueva (2013: 49) menambah bahawa kenyataan Guillen di atas dimungkinkan oleh penemuan sifat analog dan keselarian pada perubahan sejagat dalam dua (atau lebih) teks sastera yang dibandingkan. Oleh itu, pemerhatian Villanueva (2013:

49) dalam tiga dekad kebelakangan ini mendapati bahawa munculnya “pendekatan perbandingan” (*comparative approach*), iaitu elemen teoretikal yang dapat menghadirkan hipotesis mengenai keselarian terhadap dua (atau lebih) sastera yang berbeza. Dalam erti kata lain, kesusasteraan bandingan menuntut kepada satu pendekatan (*approach*) yang dapat melihat keselarian dua (atau lebih) teks sastera, sekaligus menyerlahkan kesejagatan sastera dari aspek tertentu.

Berdasarkan pemahaman di atas, adalah jelas bahawa disiplin kesusasteraan bandingan antaranya memperakukan nilai-nilai kesejagatan yang merentasi batas-batas budaya serta tradisi sastera khususnya persoalan ilmu dan pemikiran. Berlatarkan pemahaman yang mendasari disiplin kesusasteraan bandingan ini, kajian ini diusahakan bagi meneliti dua karya sastera yang lahir daripada tradisi sastera dengan pandangan-alam yang berbeza iaitu kesusasteraan Melayu dan kesusasteraan Barat, dengan memberikan tumpuan terhadap persoalan ilmu dan pemikiran khususnya pemanfaatan karya sastera sebagai wadah ilmu dan pemikiran.

Dalam kesusasteraan Melayu hari ini, Mohd. Affandi Hassan (seterusnya MAH) merupakan sebuah nama yang tidak dapat dianggap asing terutamanya dalam penulisan kreatif dan kritikan sastera (Abdullah Tahir, Februari 1995; Nur Fatihah Fadila, 2014). Sebagai seorang penulis kreatif, MAH telah menghasilkan karya dalam pelbagai genre seperti novel, cerpen dan puisi (Nur Fatihah Fadila, 2014). Antara karya beliau yang dianggap penting ialah *Pujangga Melayu* (seterusnya *PM*), sebuah novel tetralogi dalam bahasa Melayu yang menghimpunkan empat buah novel yang telah terlebih dahulu terbit secara mandiri iaitu *Jejak Warisan* (1994), *Citra Pujangga* (1994), *Tampang Sasterawan* (1995) dan *Wajah Pendeta* (1996). Sebagai sebuah novel tetralogi, *PM* terbit buat pertama kalinya pada tahun 1997, dan kemudiannya diulang cetak, antaranya dengan penambahan indeks pada tahun 2017 (Mohd. Affandi Hassan, April 2017).

Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 36) antaranya menganggap bahawa *PM* merupakan “terjemahan konkrit” terhadap Persuratan Baru (seterusnya PB), iaitu nama bagi sebuah gagasan persuratan yang diutarakan oleh MAH sendiri. Sebagai seorang pengkritik sastera, tulisan-tulisan MAH banyak menghujahkan tentang pentingnya karya sastera dimanfaatkan sebagai wadah untuk menyampaikan ilmu dan pemikiran. Seiring dengan hujah yang sedemikian, PB menganjurkan penulisan karya kreatif dengan ciri-ciri antaranya mengutamakan ilmu dan pemikiran, gaya penulisan bercorak kesedaran dan ilmiah, selain menghadirkan watak-watak yang berwibawa dalam

membicarakan pemikiran pengarang, sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohd. Affandi Hassan (1994: 11) dalam petikan berikut:

Pertama, *Persuratan Baru* mengutamakan ilmu, pemikiran dan kebijaksanaan. Hal ini saya tegaskan berulang kali dalam buku saya *Pendidikan Estetika* itu. Kedua, *Persuratan Baru* memakai gaya penulisan yang bercorak kesarjanaan, gaya ilmiah, tetapi indah. Gaya itu ilmiah kerana isinya bersifat ilmu; tetapi indah, kerana disampaikan dalam bentuk seni. Ketiga, *Persuratan Baru* mengutamakan gagasan, membicarakan dengan mendalam gagasan itu dengan menggunakan watak-watak yang kuat, yang bermoral, beragama, berilmu dan sebagainya. Bukan watak-watak pelacur, atau watak-watak kecil yang dangkal seperti yang diutarakan selama ini. [Huruf condong seperti asal]

Hakikat bahawa *PM* dianggap sebagai “terjemahan konkrit” *PB*, dengan sendirinya memberikan gambaran bahawa *PM* dikarang dengan ciri-ciri tersebut. Menurut Ungku Maimunah (2007: 60), ciri-ciri penulisan karya kreatif yang digariskan oleh *PB* seperti di atas adalah sesuatu yang bersifat universal. Dengan kata lain, dapat dikatakan bahawa ciri-ciri karya kreatif yang digariskan oleh *PB* seperti di atas, sedia menjadi keprihatinan manusia sejagat, dan justeru tidak mustahil jika terpamer dalam kesusasteraan selain kesusasteraan Melayu, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ungku Maimunah (2007: 60) dalam petikan di bawah:

Tegasnya, dengan menekankan ilmu *PB* merayakan keutuhan akal fikiran manusia, di samping mengangkat dirinya sebagai gagasan yang melampaui batas tempatan, kedaerahan dan budaya yang berbau *parochialisme*, *essentialisme* dan *nativisme* atau jua gagasan yang terikat pada tuntutan teknik tegar. Ini bererti *PB* boleh dimanfaatkan sebagai kerangka analisis untuk karya hasil nukilan sesiapa jua, daripada latar belakang geografi, fahaman atau anutan apa jua, dan ditulis dalam bahasa apa jua, hatta ia sendiri terhasil dalam kerangka Islam dan tradisi sastera rantau ini yang berteraskan Islam. [Huruf condong seperti asal].

Seiring dengan pemahaman di atas, adalah menarik untuk dinyatakan bahawa pada tahun 2003, John Maxwell Coetzee atau J. M. Coetzee (seterusnya JMC),

seorang penulis sastera di Barat telah menerbitkan sebuah novel dalam bahasa Inggeris berjudul *Elizabeth Costello* (seterusnya *EC*). Sebagai seorang pemenang Hadiah Nobel (Kesusasteraan) pada tahun 2003, karya-karya JMC termasuk novel *EC* dengan mudah mendapat perhatian yang luas pada peringkat antarabangsa (Lappin, 2003; Lodge, 2003; Stone, 2004; Eaker, 2017), termasuklah MAH yang menganggap bahawa novel *EC* telah memberikan merit terhadap penganugerahan JMC sebagai pemenang Hadiah Nobel. Lebih penting dalam konteks kajian ini ialah pandangan MAH bahawa *EC* memperlihatkan ciri-ciri penulisan karya kreatif yang dianjurkan oleh PB, sebagaimana katanya dalam dua petikan berikut:

...ciri-ciri yang dijadikan ukuran dalam penilaian dalam gagasan Persuratan Baru diterima dan diberi pengiktirafan. Dalam tahun 2003, seorang penulis Afrika Selatan bernama J. M. Coetzee, pemenang Hadiah Nobel, menerbitkan karyanya yang memeranjatkan para sarjana dan pengkritik Barat, berjudul *Elizabeth Costello* (2003), yang secara berani **mengumpulkan karya-karya ilmiah** yang telah diterbitkan untuk dijadikan sebuah novel akademik yang menarik, yang **membicarakan "ilmu"** seperti yang difahamkan dalam budaya Barat. [Penekanan ditambah]

(Mohd. Affandi Hassan et. al, 2008: 65)

Novel [*EC*] ini unik kerana bentuk atau strukturnya yang dibina daripada kuliah ilmiah J. M. Coetzee sendiri tentang beberapa persoalan masa kini. Misalnya kita diberitahu oleh pengarang beberapa bab novel itu telah diterbitkan berasingan sebagai syarahan ilmiah atau esei yang telah disiarkan dalam jurnal tertentu. Semua bahan itu diberi bentuk dan nafas kreatif dengan mewujudkan **seorang tokoh utama bernama Elizabeth Costello, seorang pengarang dan seorang ahli akademik**, yang memberikan syarahannya sendiri pada pertemuan ilmiah atau ketika beliau menerima sesuatu hadiah sastera. **Syarahan disampaikan sebagai sejenis wacana**, bukan sekadar satu kuliah biasa. Paling menarik ialah novel ini diterima oleh Akademi Sweden, yang menjadi urus setia Hadiah Nobel Sastera, sebagai salah sebuah karya penting J. M. Coetzee. [Penekanan ditambah]

(Mohd. Affandi Hassan et. al., 2014: 265)

Ungku Maimunah (2009: 96) turut mengamati persoalan yang sama iaitu tentang ciri-ciri penulisan karya kreatif yang dianjurkan oleh PB. Dalam hal ini, Ungku Maimunah menganggap bahawa ciri-ciri penulisan yang bersifat ilmiah yang dianjurkan oleh PB, turut terjelma dalam novel *EC* karya JMC. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelumnya, Ungku Maimunah menganggap novel *PM* sebagai “terjemahan konkrit” PB. Justeru, adalah menarik apabila Ungku Maimunah juga menganggap bahawa *EC* juga memperlihatkan gaya penulisan karya kreatif yang dianjurkan PB, sebagaimana kata Ungku Maimunah (2009: 96) dalam petikan berikut:

...adakah ini bererti PB sahaja yang berfahaman sedemikian, atau adakah pemahaman serupa dapat dikesan pada penulis-penulis lain. Dengan kata lain, **adakah pemahaman PB yang melihat karya kreatif itu sebagai wadah wacana, juga menjadi titik tolak penulis lain?...satu contoh baik yang boleh dirujuk ialah novel *Elizabeth Costello* yang diterbitkan pada tahun 2003, iaitu 6 tahun selepas *Pujangga [PM]*, karya MAH, diterbitkan.** [Penekanan ditambah]

Pada tahap ini, dapat dikatakan bahawa adanya perkaitan antara novel *Pujangga Melayu* (1997) yang rata-rata dianggap sebagai manifestasi konkrit PB, dengan novel *Elizabeth Costello* (2003) yang dikatakan pula menepati ciri-ciri yang ditawarkan PB. Dalam konteks kajian ini, perkaitan antara *PM* dengan *EC* sebagaimana yang dibayangkan oleh MAH dan Ungku Maimunah mengundang satu penelitian ilmiah yang penting dan menarik untuk diberikan perhatian secara lebih khusus.

Sejajar dengan perkaitan di atas, pengamatan kini terarah pada novel *Elizabeth Costello* hasil karya John Maxwell Coetzee atau J. M. Coetzee (seterusnya JMC). JMC merupakan penulis dan pengkritik sastera Barat yang berasal dari Afrika Selatan dan kemudiannya bermaustatin tetap di Adelaide, Australia. Pembabitannya dalam dunia kesusasteraan bermula ketika berada di alam universiti, dengan penghasilan novel pertamanya berjudul *Dusklands* (1974). Semakin menyerlahkan penglibatannya adalah ketika JMC mengkaji karya-karya Ford Madox Ford untuk tesis sarjananya dan karya-karya Samuel Beckett untuk tesis doktoralnya. JMC kemudiannya berkhidmat sebagai pensyarah dalam bidang penulisan kreatif di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Inggeris, University of Cape Town bermula pada tahun 1972 sehingga bersara dengan jawatan Profesor Emeritus pada 2002 (UCT Alumni News, 2018). Beberapa buah karyanya memenangi anugerah besar bidang kesusasteraan seperti The Booker

Prize. Adalah menarik untuk dinyatakan bahawa JMC merupakan novelis pertama yang merangkul anugerah The Booker Prize tersebut sebanyak dua kali menerusi novel-novelnya, *Life and Times of Michael K* (1983) dan *Disgrace* (1999). Kemuncak kepada penulisan JMC adalah pada tahun 2003 apabila terpilih untuk menerima Hadiah Nobel (Kesusasteraan) 2003. Sebagaimana yang telah disentuh di atas, *EC* diterbitkan pada tahun yang sama penganugerahan (iaitu 2003). Hal ini sekaligus menjadikan *EC* tergolong dalam kelompok tulisan-tulisan JMC yang mendapat ulasan umum The Swedish Academy, antaranya dikatakan sebagai karya yang mengandungi “*pregnant dialogue and analytical brilliance*” sebagaimana yang dapat dilihat dalam petikan di bawah:

J.M. Coetzee's novels are characterised by their well-crafted composition, pregnant dialogue and analytical brilliance. But at the same time he is a scrupulous doubter, ruthless in his criticism of the cruel rationalism and cosmetic morality of western civilisation.

(The Swedish Academy, 2003)

Penting untuk ditekankan bahawa kelahiran *EC* mengundang reaksi yang tersendiri kerana dianggap menjadi pemisah kepada ciri penulisan JMC terdahulu dengan ciri penulisan JMC kontemporari (Murphet, 2011: 86).

Bahagian pengenalan kajian ini berusaha untuk memberi pengenalan yang ringkas dan padat mengenai MAH sebagai penulis kreatif dan pengkritik sastera Melayu, dan JMC sebagai penulis kreatif dan pengkritik sastera Barat yang kedua-duanya telah mengukir nama yang tersendiri dalam tradisi sastera masing-masing, selain *PM* dan *EC* yang masing-masing merupakan antara karya penting MAH dan JMC.

1.2 Latar Belakang Kajian

Lanjutan daripada kedudukan *PM* dan *EC* sebagai antara karya penting MAH dan JMC, bahagian ini akan menyoroti beberapa kajian ilmiah yang telah dilakukan terhadap *PM* dan *EC*, dalam usaha untuk mengenal pasti permasalahan kajian. Dalam konteks *PM*, antara yang akan disoroti ialah tulisan Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002), R. Sharatha a/p Ramasamy (2007) dan Meor Mohamad Sollehuiddin Abd. Rani (2016).

Dalam tulisan Ungku Maimunah Mohd. Tahir (seterusnya Ungku Maimunah) berjudul “Bagaimanakah *Pujangga Melayu* Harus Ditafsirkan” (2002), *PM* dianalisis dengan menerapkan PB. Adalah penting untuk diutarakan bahawa tulisan Ungku Maimunah ini merupakan antara usaha terawal untuk meneliti *PM* dengan memanfaatkan kerangka analisis yang digagaskan penulisnya sendiri. Dapatan Ungku Maimunah memperlihatkan *PM* terangkat sebagai sebuah novel ilmu dengan perbincangan soal tugas dan hakikat kepengarangan serta poligami, yang semuanya didasarkan kepada tunjang *Taklif*. Lebih jelas lagi, Ungku Maimunah menyifatkan novel ini sebagai “manifestasi konkrit” kepada PB cetusan MAH tersebut. Dalam kesimpulan Ungku Maimunah, apa yang lebih menyerlahkan kedudukan *PM* sebagai novel ilmu adalah saratnya novel dengan idea-idea yang dihujahkan secara ilmiah.

Kesimpulan bernada serupa juga berkumandang dalam tulisan R. Sharatha a/p Ramasamy (seterusnya Sharatha) berjudul “*Pujangga Melayu* dari Sudut Pendekatan Persuratan Baru” (2007), yang antaranya memberikan fokus terhadap soal pemikiran dalam *PM*. Dengan mengkaji aspek isi dan bentuk *PM*, analisis Sharatha berupaya untuk mengutarakan tiga isi utama *PM*, yang dua daripadanya (kepengarangan dan poligami) telah diungkapkan secara umum dalam tulisan Ungku Maimunah di atas, manakala isi ketiga adalah mengenai politik dan kerajaan Melayu. Dari segi bentuk *PM*, pengamatan Sharatha memperakukan teknik *stylization of ideas* (diterjemahkan secara longgar oleh MAH sebagai “siran makna”) yang dimanfaatkan oleh MAH berupaya untuk menyerlahkan isi perbincangan. Dalam erti kata lain, Sharatha menyimpulkan bahawa isi dan bentuk *PM*, dengan penerapan PB, berhasil dalam membentuk apa yang diistilahkan sebagai “novel ilmu”.

Selain itu ialah kajian oleh Meor Mohamad Sollehuddin Abd Rani (seterusnya Meor Mohamad Sollehuddin) berjudul “Konsep ‘Persuratan’ dan Konsep ‘Sastera’ dalam Novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan” (2016) yang membincangkan dua konsep menurut PB iaitu “sastera” dan “persuratan”. Untuk itu, kajian Meor Mohamad Sollehuddin meneliti dua aspek yang diketengahkan PB iaitu “wacana” yang merupakan hujah-hujah yang dibangunkan secara ilmiah, dan “cerita”, iaitu kisah yang hadir melalui manipulasi alat-alat penceritaan seperti watak, peristiwa, plot dan sebagainya. Hasil analisis Meor Mohamad Sollehuddin mengutarakan empat aspek berkenaan dua konsep tersebut, iaitu perbezaan tugas “pengarang” dan “sasterawan”, falsafah “sastera” dan “persuratan”, takrifan “sastera” dan “persuratan” serta ciri-ciri “sastera” dan “persuratan”. Pengutaraan empat aspek ini menjadikan tulisan Meor Mohamad Sollehuddin berupaya untuk dirumuskan sebagai kajian yang mengangkat *PM* sebagai sebuah “novel ilmu”.

Sorotan pada tahap ini berusaha untuk menjelaskan bahawa *PM* cenderung diperagakan dalam kajian-kajian ilmiah di atas sebagai “novel ilmu”.

Seterusnya pengamatan ini mendapati bahawa perakuan yang hampir sama turut melingkari kehadiran novel *EC*. Berbanding *PM* yang diperagakan sebagai “novel ilmu”, *EC* pula didapati cenderung dipamerkan sebagai “fiksyen falsafah”, sebagaimana yang ketara terutamanya dalam tulisan Robert Pippin. Makalah oleh Robert Pippin (2018) secara terang-terangan melabelkan *EC* sebagai sebuah “*philosophical fiction*” atau “fiksyen falsafah”. Label ini diasaskan pada pengamatan Pippin yang mendapati bahawa *EC* membincangkan ilmu/falsafah, terutamanya dalam bab terakhir novel yang memperuntukkan warkah buat Francis Bacon. Warkah buat Francis Bacon ini merupakan sekuel fiktif kepada karya Hofmansthaal yang berjudul “Lord Chandos Letter” (1902). Menurut Pippin, warkah buat Francis Bacon ini antaranya membangkitkan persoalan mengenai modenisme, dan sekaligus dianggapnya sebagai manifestasi terhadap kekuatan *EC* sebagai sebuah “fiksyen falsafah”.

Selain itu ialah tulisan Derek Attridge (seterusnya Attridge) berjudul “Molly Bloom and Elizabeth Costello: Coetzee’s Female Characters and the Limits of Sympathetic Imagination” (2019), yang antaranya membincangkan soal “*sympathetic imagination*” yang dimuatkan dalam *EC* sebagai faham teori dan praktis, menerusi protagonisnya, Elizabeth Costello. Lebih menarik lagi apabila artikel Attridge turut meneliti bagaimana JMC memanfaatkan watak wanita sebagai protagonis bagi mengupas fahaman feminisme dalam beberapa bab novel *EC*. Secara umumnya, Attridge menyimpulkan bahawa pemanfaatan Elizabeth Costello sebagai protagonis tidak menjamin kepada kaitannya dengan falsafah feminisme yang dikupas. Walau bagaimanapun, kesimpulan Attridge ini tidak menghalang daripada perakuan bahawa hadirnya falsafah (iaitu feminisme) dalam novel *EC*.

Soal pemanfaatan falsafah dalam *EC* turut diteliti oleh Thorsten Carstensen (seterusnya Carstensen) dalam makalahnya yang berjudul “Shattering the Word-Mirror in *Elizabeth Costello*: J. M. Coetzee’s Deconstructive Experiment” (2007). Lebih menjadikan makalah ini signifikan adalah label yang diberikan oleh Carstensen terhadap *EC* iaitu “*novel of ideas*” kerana membicarakan tentang pascamodenisme. Untuk itu, makalah Carstensen antaranya membicarakan *EC* dari segi pemanfaatan watak dan plot dalam menyampaikan falsafah. Sorotan pada tahap ini berusaha untuk menjelaskan bahawa *EC* cenderung diperagakan dalam kajian-kajian ilmiah di atas sebagai novel yang mengandungi falsafah.

1.3 Permasalahan Kajian

Berdasarkan pengenalan dan sorotan awal terhadap kajian-kajian ilmiah sebelumnya, beberapa perkara penting dapat dikenal pasti. Pertama, kenyataan bahawa novel *EC* karya JMC dianggap menepati ciri-ciri yang diutarakan oleh PB, sebagaimana yang diungkapkan secara umum oleh MAH dan Ungku Maimunah. Kenyataan ini dapat menimbulkan bayangan bahawa novel *EC* juga berkemungkinan mempunyai persamaan dengan novel *PM* kerana novel MAH ini (merujuk *PM*) dikatakan merupakan terjemahan konkrit PB. Penting dijelaskan bahawa kenyataan MAH dan Ungku Maimunah tentang kedekatan (*immediacy*) *EC* dengan PB adalah bersifat umum dan tidak diasaskan kepada satu kajian ilmiah yang sistematik. Hakikat ini dengan sendirinya meninggalkan satu lompong ilmiah yang kosong yang belum terisi (*lacuna*). Lebih penting lagi, kenyataan MAH dan Ungku Maimunah tersebut, meskipun tidak bersandarkan pada satu kajian ilmiah yang sistematik, namun dilihat ada asasnya, sebagaimana yang terserlah pada pengamatan awal terhadap kajian-kajian ilmiah mengenai *PM* dan *EC*. Kajian-kajian ilmiah yang diamati di atas dengan jelas memperakukan *PM* dan *EC* sebagai novel yang mengandungi ilmu/falsafah. Hal ini dengan sendirinya mengundang sebuah kajian perbandingan antara *PM* dan *EC*, dengan memberikan fokus terhadap kedudukan masing-masing sebagai novel yang mengandungi ilmu/falsafah. Sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, kajian ilmiah yang membandingkan *PM* dengan *EC* belum lagi diusahakan secara sistematik, seperti yang akan diketengahkan oleh kajian ini.

Kedua dan merujuk kepada novel *PM*, pengamatan di atas turut memperjelaskan bahawa *PM* telah sedia diperakukan sebagai “novel ilmu”, sebagaimana yang dapat diteliti dalam kajian Ungku Maimunah (2002), Sharatha (2007) dan Meor Mohamad Sollehuiddin (2016). Terangkum dalam kajian-kajian ilmiah ini juga adalah perakuan bahawa *PM* membicarakan tentang falsafah *Taklif* yang dibahaskan oleh Shah Waliyullah al-Dihlawi (h. 1703) dalam kitab karangan beliau bertajuk *Hujjatul Balighah* (1869). Penting dijelaskan bahawa dalam tradisi keilmuan Islam, Shah Waliyullah al-Dihlawi merupakan seorang ilmuwan Islam yang terkenal dan kitab karangan beliau itu sehingga kini telah diterjemahkan dalam bahasa Inggeris (oleh Marcia K. Hermansen dengan judul *The Conclusive Argument from God* dan terbit pada tahun 1996), bahasa Indonesia (oleh Nuruddin Hidayat dan C. Romli Bihar Anwar dengan judul *Argumen Puncak Allah* dan terbit pada tahun 2005), bahasa Melayu (oleh Zainuddin Idris dan Nik Hassan Nik Abdullah dengan judul asal bahasa Arab dan terbit pada tahun 2015) dan bahasa Urdu (oleh Maulana Abdul Haqq Haqqani dengan judul *Hujjatullah-il-Baligha* dan terbit pada tahun 1979). Kajian oleh Ungku Maimunah (2009), Mohd. Zariat Abdul Rani (2008), dan

Sharatha (2007) antaranya memperakukan bahawa *PM* sarat dengan perbahasan tentang falsafah *Taklif*. Dengan kata lain, dalam konteks pengkajian ilmiah terhadap *PM*, soal ilmu dan falsafah cenderung untuk dikaitkan dengan novel tersebut (*PM*). Semakin memperkukuhkan pengamatan di atas ialah sorotan terhadap kajian-kajian ilmiah lain yang sedia disoroti dalam Bab 2 kajian ini.

Seperkara lain yang turut ketara dalam sorotan Bab 2 nanti ialah kecenderungan kajian-kajian ilmiah yang disoroti itu dalam menerapkan PB sebagai kerangka analisis atau metodologi kajian. Penting ditekankan bahawa PB merupakan sebuah kerangka analisis/metodologi yang berteraskan Islam dan dicetuskan oleh MAH sendiri. Adalah jelas daripada sorotan bahawa dengan menerapkan PB, *PM* terserlah sebagai “novel ilmu/falsafah”. Hal ini dengan sendirinya mengundang persoalan; apakah *PM* tetap terserlah sebagai “novel ilmu/falsafah”, sekiranya dianalisis dengan menggunakan sebuah kerangka analisis/metodologi selain Persuratan Baru, dan bukan berteraskan Islam? Kajian ini ingin menguji kemungkinan di atas dengan menerapkan sebuah kerangka analisis/metodologi selain Persuratan Baru, dan bukan berteraskan Islam, seperti yang akan dijelaskan nanti.

Berkaitan dengan persoalan di atas, kajian ini memilih untuk menerapkan kerangka “*Philosophical Fiction*” atau “Fiksyen Falsafah” yang dicetuskan oleh Jukka Mikkonen (seterusnya Mikkonen), sebagai kerangka bagi menganalisis novel *PM* dan *EC*. Dalam bukunya bertajuk *The Cognitive Value of Philosophical Fiction* (2013), Mikkonen mengemukakan “Fiksyen Falsafah” sebagai sebuah kerangka analisis yang boleh dimanfaatkan bagi menganalisis karya fiksyen seperti novel. Perbincangan lanjut mengenai kerangka “Fiksyen Falsafah” oleh Mikkonen akan ditangani dalam Bab 3 kajian ini.

Ketiga dan merujuk kepada *EC* pula, pengamatan di atas turut memperjelaskan bahawa *EC* juga diperakukan sebagai sebuah novel yang mengandungi falsafah, sebagaimana yang jelas dalam kajian Attridge (2019), Pippin (2018) dan Carstensen (2007). Dalam konteks ini, satu perkara yang terserlah dengan jelas ialah kajian-kajian Attridge (2019), Pippin (2018) dan Carstensen (2007) lebih membahaskan soal falsafah dalam novel *EC*. Dari satu segi, kajian-kajian mereka kurang memberikan perhatian terhadap ciri penulisan, terutamanya soal bagaimana sebuah novel seperti *EC* boleh menyampaikan sesebuah falsafah. Hal ini dengan sendirinya mengundang kajian ini untuk menganalisis *EC* dengan memberikan tumpuan terhadap ciri penulisan khususnya pemanfaatan karya fiksyen dalam menyampaikan ilmu/falsafah. Dalam konteks ini juga, pemilihan “Fiksyen Falsafah” cetusan Mikkonen sebagai kerangka analisis bagi

mengkaji kedua-dua novel iaitu *PM* dan *EC*, dapat dianggap relevan dan sesuai dengan permasalahan kajian yang dibangkitkan.

1.4 Objektif Kajian

Bagi merungkaikan permasalahan yang dinyatakan, kajian ini menggariskan tiga objektif kajian yang akan dicapai dengan menerapkan kerangka Fiksyen Falsafah oleh Jukka Mikkonen. Tiga objektif tersebut ialah seperti berikut:

1. Menganalisis novel *Pujangga Melayu* dan *Elizabeth Costello* berdasarkan kerangka Fiksyen Falsafah yang digariskan oleh Jukka Mikkonen.
2. Membandingkan antara novel *Pujangga Melayu* dengan *Elizabeth Costello* sebagai karya “fiksyen falsafah”.
3. Merumuskan kedudukan *Pujangga Melayu* dan *Elizabeth Costello* sebagai karya “fiksyen falsafah”.

1.5 Teks Kajian

Bagi mencapai ketiga-tiga objektif yang disenaraikan, kajian ini akan menganalisis dua buah novel, iaitu novel *Pujangga Melayu (PM)* karya Mohd. Affandi Hassan (MAH) dan novel *Elizabeth Costello (EC)* karya J. M. Coetzee (JMC). Pemilihan dua novel ini diasaskan pada dua justifikasi berikut. Pertama, sebagaimana yang telah dinyatakan dalam permasalahan kajian, kedua-dua buah novel dikatakan memiliki persamaan terutamanya dari segi ciri penulisan karya kreatif. Lebih penting apabila dakwaan ini lebih bersifat umum dan tidak diasaskan kepada satu analisis ilmiah yang sistematik, dan sekaligus dihujahkan sebagai antara permasalahan yang menuntut kepada perungkaian melalui objektif-objektif kajian yang jelas. Justeru, pemilihan *PM* dan *EC* sebagai teks kajian dapat dianggap wajar bagi merealisasikan objektif dan permasalahan kajian yang dibangkitkan itu.

Kedua, dan semakin memperkukuhkan justifikasi di atas ialah hasil pengamatan terhadap kajian-kajian ilmiah sedia ada, yang memperlihatkan bahawa adanya kesejajaran perakuan terhadap kedua-dua novel iaitu *PM* dan *EC*, sama-sama dikatakan mengandungi falsafah. Lebih penting lagi apabila pengamatan mendapati bahawa sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, kajian-kajian ilmiah terhadap kedua-dua novel telah dijalankan secara berasingan, dan belum lagi dibandingkan dalam sebuah kajian ilmiah seperti tesis sarjana. Dalam konteks ini, pemilihan kedua-dua novel sebagai teks kajian dapat dianggap wajar dan sesuai.

1.6 Kerangka Analisis

Sebagaimana yang telah dinyatakan, kajian ini memilih untuk menerapkan kerangka “Fiksiyen Falsafah” yang dicetuskan oleh Jukka Mikkonen. Pemilihan ini diasaskan pada beberapa pertimbangan. Pertama, kedua-dua novel yang dijadikan sebagai teks kajian sehingga kini masih belum dianalisis menggunakan kerangka “Fiksiyen Falsafah” cetusan Mikkonen. Dalam konteks *PM* pula, penerapan kerangka tersebut dapat dianggap lebih signifikan kerana kajian-kajian ilmiah yang memperakukan *PM* sebagai novel yang mengandungi ilmu/falsafah rata-rata menerapkan kerangka PB cetusan MAH yang berteraskan Islam. Hal ini mengundang kemungkinan apakah *PM* akan tetap terserlah sebagai “novel ilmu/falsafah” jika dianalisis dengan menggunakan sebuah kerangka selain Persuratan Baru dan bukan berteraskan Islam, seperti kerangka “Fiksiyen Falsafah” cetusan Mikkonen?

Kedua, “Fiksiyen Falsafah” merupakan sebuah kerangka analisis yang telah sedia menawarkan alat-alat yang dapat diguna pakai bagi menganalisis teks sastra. Hal ini merujuk kepada “*Literary Assertions*” (“Pernyataan Sastra”) yang digariskan oleh Mikkonen sebagai cara pengutaraan falsafah melalui karya fiksiyen. Cara pengutaraan falsafah melalui karya fiksiyen (“Pernyataan Sastra”) dapat diterapkan sebagai alat analisis (*analytical tools*) yang jelas dalam menganalisis, membanding serta merumuskan kedudukan *PM* dan *EC* sebagai karya “fiksiyen falsafah”, yang kesemuanya merupakan objektif-objektif kajian ini. Dengan kata lain, “Fiksiyen Falsafah” telah tersedia sebagai satu kerangka analisis yang dijangka dapat membantu kajian ini dalam merungkaikan permasalahan dan sekaligus merealisasikan objektif-objektif kajian. “Pernyataan Sastra” akan dijelaskan secara lebih terperinci dalam subjudul “Pentakrifan Operasional” dan Bab 3 nanti.

Ketiga, kerangka “Fiksiyen Falsafah” cetusan Mikkonen juga telah sedia mantap sebagai sebuah kerangka analisis yang bersifat ilmiah. Kemantapan ini antaranya jelas pada perakuan beberapa sarjana seperti Ileana Dmitriu (2018), Gilbert Plumer (2017), dan Camelia Gradinaru (2015) yang rata-rata memperakukan prinsip yang diutarakan dalam kerangka “Fiksiyen Falsafah” cetusan Mikkonen sebagai menyumbang kepada pemisahan antara fiksiyen konvensional dengan fiksiyen yang mengandungi pengisian falsafah. Dmitriu (2018: 58) umpamanya menyebut bahawa kerangka “Fiksiyen Falsafah” oleh Mikkonen dapat membantu dalam mengenal pasti ilmu/falsafah (istilah Dmitriu, “*truth*”) dalam sesebuah karya fiksiyen. Manakala, Plumer (2017: 65) menyifatkan “Fiksiyen Falsafah” sebagai kerangka yang berupaya menyerlahkan dengan lebih baik fungsi alat-alat penceritaan dalam sebuah fiksiyen yang

mengutamakan pengisian falsafah. Demikian juga Gradinaru (2015: 327) yang turut menganggap “Fiksiyen Falsafah” sebagai kerangka yang memberi indikasi jelas berkenaan pengelompokan sesebuah karya berdasarkan nisbah falsafah yang terkandung di dalamnya. Petikan tulisan Dmitriu (2018), Plumer (2017) dan Gradinaru (2015) berkaitan hal ini dapat dilihat dalam tiga perenggan di bawah:

A parallel school of thought, however, argues that the literature – via a specific type of assertion – has the capacity to offer propositional knowledge. Jukka Mikkonen (2013),⁵ for example, avers that the truth of literature can be found in the text’s subtle implications; and that literature’s power of persuasion lies precisely in its lack of clear definition and incompleteness: “a literary work persuades its readers of its truths by ... implying the deliberately omitted conclusion: the unstated part of the argument is suggested by the work and filled in by the reader.

(Dmitriu, 2018: 58).

This distinction roughly corresponds to Mikkonen’s (2013) between (i) philosophy in literature, and (ii) philosophy through literature. This distinction seems particularly useful for extended fictional narratives on the order of novels, plays, and films.

(Plumer, 2017: 150).

Difference between “the philosophy as an academic discipline and philosophy as a broader activity which systematically explores fundamental questions concerning human existence, knowledge and values” (Mikkonen 2013, 7) is another criterion that can be at work here. Thus, in the narrow sense, literary works do not count as philosophy, while in the broader sense, literature may have philosophical value.

(Gradinaru, 2015: 327).

Pada tahap ini, memadai ditekankan bahawa “Fiksiyen Falsafah” merupakan sebuah kerangka analisis yang sistematik, berwibawa serta dapat diterapkan dalam sebuah kajian ilmiah seperti tesis ini.

1.7 Pentakrifan Operasional

Selanjutnya, bagi memudahkan kajian ini diikuti, bahagian ini akan menjelaskan secara umum takrifan operasional beberapa istilah penting yang akan digunakan dalam menganalisis teks kajian. Penting untuk dinyatakan bahawa istilah-istilah ini dicetus serta dikonsepsikan pengertiannya oleh Jukka Mikkonen dalam bukunya berjudul *The Cognitive Value of Philosophical Fiction* (2013). Berkait dengan pengkonsepsian ini adalah kerangka “Fiksyen Falsafah” yang dibangunkan oleh Mikkonen dengan berpangkalan perbahasan di Barat mengenai fiksyen sebagai medium penyampaian falsafah. Dalam konteks penerapannya sebagai kayu ukur atau *investigative tools*, terdapat empat istilah penting akan dibincangkan secara lebih terperinci dalam Bab 3 nanti. Empat istilah yang dimaksudkan, dan dijangka akan mewarnai kajian ini terutamanya dalam Bab 4 nanti adalah “Fiksyen Falsafah” (“*Philosophical Fiction*”), “Pernyataan Sastera” (“*Literary Assertions*”), “Pernyataan Naratif” (“*Fictional Sentences*”), dan “Pernyataan Langsung” (“*Direct Assertions*”).

1.7.1 “Fiksyen Falsafah” (“*Philosophical Fiction*”)

Sejajar dengan fokus kajian ini, istilah “Fiksyen Falsafah” (istilah Mikkonen “*Philosophical Fiction*”) akan diperincikan definisinya dari segi falsafah dan praktis. Dari segi falsafah, “Fiksyen Falsafah” dibangunkan sebagai sebuah kerangka yang bertujuan untuk meneliti cara falsafah disampaikan menerusi fiksyen sebagai mediumnya. Menurut Mikkonen (2013: 1), cara falsafah disampaikan menerusi fiksyen telah menjadi perbahasan di Barat selama beratus tahun sejak zaman Aristotle-Plato. Perbahasan ini kemudiannya berakar umbi dan melahirkan dua kelompok pemikiran; pertama, kelompok yang menolak fiksyen sebagai medium untuk menyampaikan falsafah, dan kedua, kelompok yang memperakukan fiksyen sebagai medium untuk menyampaikan falsafah. Kedua-dua kelompok ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Lampiran Bab 3 nanti. Memadai pada tahap ini untuk dijelaskan pendirian Mikkonen bahawa fiksyen merupakan medium yang sah untuk menyampaikan ilmu/falsafah.

Dari segi praktis, “fiksyen falsafah” juga merujuk kepada karya yang mengandungi dua elemen, iaitu pertama, fiksyen atau cerita rekaan, dan kedua, falsafah atau perbahasan sistematik. Mikkonen juga dilihat merujuk “fiksyen falsafah” ini kepada karya yang meletakkan falsafah pada kedudukan pengisian dan fiksyen pada kedudukan medium (Mikkonen, 2013: 8), sebagaimana katanya, “*Literary works that convey explicit or implicit philosophical points, whether*

worked out or not, such as the philosophical fictions mentioned earlier" (Mikkonen, 2013: 8).

Bagi disesuaikan dengan takrifan "Fiksiyen Falsafah", Mikkonen kemudiannya menggariskan beberapa cara untuk menghasilkan "fiksyen falsafah". Antaranya melalui "Pernyataan Sastera" (istilah Mikkonen, "*Literary Assertions*"). Seiring dengan takrifan ini, Mikkonen menghuraikan cara "Pernyataan Sastera" dalam menyampaikan falsafah menerusi karya fiksyen sebagaimana yang dapat dilihat di bawah.

1.7.2 "Pernyataan Sastera" ("*Literary Assertions*")

Menurut Mikkonen, "Pernyataan Sastera" (istilah Mikkonen "*Literary Assertions*") merujuk kepada jalinan dua pernyataan yang memiliki fungsi dan kedudukan yang berbeza. Dua pernyataan yang dimaksudkan oleh Mikkonen adalah "Pernyataan Naratif" (istilah Mikkonen, "*Fictional Sentences*") dan "Pernyataan Langsung" (istilah Mikkonen, "*Direct Assertions*"). Menurut Mikkonen lagi, keterjalinan antara dua pernyataan ini penting dalam mengukuhkan maksud dan fungsi "Pernyataan Sastera" untuk menyampaikan falsafah menerusi karya fiksyen. Hal ini kerana Mikkonen berpandangan sekiranya kedua-dua pernyataan tidak berjalnin antara satu sama lain, maka sesebuah karya "fiksyen falsafah" tidak akan terhasil. Dalam erti kata lain, tanpa keterjalinan yang dimaksudkan, Mikkonen menjelaskan bahawa karya yang akan terhasil adalah sama ada sebuah karya yang akan tertumpu kepada soal penceritaan semata-mata sehingga terkelompok dalam novel konvensi, atau sebuah karya yang akan tertumpu kepada idea semata-mata sehingga terkelompok dalam esei akademik, sebagaimana yang dinyatakan oleh Mikkonen (2013: 46) dalam petikan di bawah:

In general use, the word 'assertion' may refer to a statement (a declarative sentence in a language) or to the act of stating (claiming something true). By 'assertion in fiction', I shall mean truth-claims the authors make in the work. In turn, by 'fictional assertions' I shall mean indicative sentences in the text of the work of fiction.

Pada tahap ini, penting untuk difahami secara asas apa yang dimaksudkan oleh Mikkonen dengan dua pernyataan di atas.

1.7.2.1 “Pernyataan Naratif” (“*Fictional Sentences*”)

Selanjutnya ialah “Pernyataan Naratif” (istilah Mikkonen, “*Fictional Sentences*”) iaitu salah satu pernyataan dalam “Pernyataan Sastera”, merujuk kepada pernyataan-pernyataan yang memanipulasi aspek penceritaan (*narrative tools*) seperti aspek Watak serta Perwatakan dan aspek Sudut Pandang dalam sesebuah karya “fiksyen falsafah” sebagaimana yang dinyatakan oleh Mikkonen seperti berikut, “...*they [fictional sentences] may be, for instance, performed by a fictional character and refer to fictitious object and yet function as the author’s assertions*” (Mikkonen, 2013: 46).

Menurut Mikkonen, “Pernyataan Naratif” ini antaranya berfungsi untuk memperincikan atau memperihalkan aspek penceritaan dalam nisbah yang kecil. Mikkonen mengkhususkan dua aspek di bawah subjudul “Pernyataan Naratif” iaitu; pertama, aspek “Watak serta Perwatakan” dan kedua, aspek “Sudut Pandang”. Kedua-dua aspek ini tidak didefinisikan oleh Mikkonen dengan cara konvensional, sebaliknya menampung takrifan yang berbeza bagi mendukung maksud “fiksyen falsafah”, sebagaimana yang akan diperlihatkan dalam Bab 3 nanti. Pada tahap ini, dapat disimpulkan bahawa “Pernyataan Naratif” merupakan pernyataan yang memanfaatkan dua aspek penceritaan (iaitu aspek “Watak serta Perwatakan” dan aspek “Sudut Pandang”) dengan tujuan pemerihalan cerita, selain berperanan untuk melancarkan kehadiran “Pernyataan Langsung” dalam karya “fiksyen falsafah”. Bahagian pentakrifan akan dilanjutkan dengan “Pernyataan Langsung”.

1.7.2.2 “Pernyataan Langsung” (“*Direct Assertions*”)

Menurut Mikkonen (2013: 46), “Pernyataan Langsung” (istilah Mikkonen, “*Direct Assertions*”) merujuk kepada pernyataan-pernyataan yang mengandungi falsafah atau pemikiran novelis dan dibawa masuk ke dalam sesebuah karya “fiksyen falsafah” sebagai satu pengisian yang sistematik, sebagaimana yang dinyatakan oleh Mikkonen (2013: 46) seperti berikut:

Direct assertions are the author’s statements in the text of the work; they put forward propositions on a literal level and function as the author’s assertions even if detached from their original context and applied in ordinary discourse.

(Mikkonen, 2013: 46)

Mikkonen menggariskan antara kata kunci penting yang merujuk kepada “Pernyataan Langsung” adalah asli (*genuine*) dan langsung (*direct*) yang memberi tanda kehadirannya daripada novelis sendiri. Selain itu, Mikkonen (2013: 73) juga menggariskan antara bentuk penghujahan yang dimanfaatkan oleh novelis untuk mengisi falsafah adalah “[a] character’s assertion, inner monologue, or explicit discourse, or commentary”. Penggarisan medium oleh Mikkonen ini memberikan gambaran bahawa pemanfaatan “Pernyataan Langsung” dalam sesebuah karya “fiksyen falsafah” berkemungkinan panjang, substantif dan padat dengan falsafah dan pemikiran novelis. Pada tahap ini, dapatlah disimpulkan bahawa “Pernyataan Langsung” merupakan pemuatan falsafah dan pemikiran novelis dalam sesebuah karya “fiksyen falsafah” menerusi bentuk penghujahan tertentu.

Secara ringkasnya, bahagian ini telah berusaha menangani definisi umum beberapa istilah yang dianggap penting dan bakal digunakan dengan intensif dalam kajian ini. Dalam bahagian selanjutnya iaitu Bab 3, istilah-istilah ini akan dijelaskan dengan lebih rinci lagi, yang akan menampung konteks yang lebih besar, bersesuaian dengan kajian ini diadakan.

1.8 Organisasi dan Pembahagian Bab

Dengan mempertimbangkan perkara-perkara di atas, kajian ini diperincikan kepada lima bab yang disusun secara kronologi bagi mencapai objektif. Seperti yang telah sedia maklum, Bab 1 dikhususkan bagi meneliti kajian-kajian lepas yang dimanfaatkan untuk membina permasalahan kajian dan objektif kajian. Selanjutnya, bab ini juga menjelaskan kriteria dan signifikansi dalam pemilihan bahan dan kerangka analisis, serta pentakrifan operasional yang bakal digunakan sepanjang kajian, bagi dijadikan pengenalan kepada keseluruhan kajian yang dijalankan.

Selanjutnya, fokus perbincangan dalam Bab 2 akan dibahagikan kepada dua bahagian yang mewakili dua teks kajian. Bahagian pertama akan meneliti kajian-kajian lepas yang telah dilakukan ke atas *PM*. Manakala, bahagian kedua akan meneliti kajian-kajian lepas yang telah dilakukan ke atas *EC*. Bahan-bahan seperti tesis doctoral dan sarjana, projek ilmiah dan makalah dimanfaatkan bagi memperlihatkan dapatan kajian sedia ada ke atas bahan kajian yang dipilih. Bab 3 pula dikhususkan untuk menyediakan pemahaman mengenai kerangka analisis iaitu “Fiksyen Falsafah” cetusan Jukka Mikkonen. Perbincangan akan merangkumi cara pengutaraan falsafah menerusi karya fiksyen sebagaimana yang dirangkumkan di bawah subjudul “Pernyataan Sastera”. Dalam erti kata

lain, Bab 3 tertumpu kepada usaha membangunkan satu kerangka analisis yang dapat memenuhi fungsi kajian.

Lanjutan daripada perbincangan bab-bab di atas, Bab 4 dimanfaatkan untuk menganalisis novel *PM* dan *EC* sebagai karya fiksyen falsafah berdasarkan kerangka cetusan Jukka Mikkonen. Untuk tujuan itu, bab ini akan mengaplikasikan kerangka *Philosophical Fiction* (Fiksyen Falsafah) cetusan Jukka Mikkonen seperti yang dibincangkan dengan terperinci dalam Bab 3. Sebagaimana yang nanti akan diperlihatkan, Bab 4 dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan meneliti manipulasi Pernyataan Naratif dalam menghadirkan aspek penceritaan dalam kedua-dua buah novel. Manakala, bahagian kedua akan meneliti pemanfaatan bentuk penghujahan Pernyataan Langsung dalam kedua-dua novel yang dinyatakan. Dalam konteks perbincangan inilah, Bab 4 akan menyerlahkan perbezaan Pernyataan Naratif dan Pernyataan Langsung, dan seterusnya memperlihatkan hubungkait dan jalinan kedua-dua pernyataan dalam sesebuah karya fiksyen falsafah.

Akhir sekali, Bab 5 bertujuan untuk menggarap kesimpulan kepada keseluruhan bab kajian. Lebih penting lagi, bab ini khusus untuk membentuk satu kesepaduan perbincangan dari bahagian pengenalan sehingga ke bahagian analisis. Adalah menjadi harapan agar usaha ilmiah ini dapat menjelaskan pemahaman bahawa ilmu dan falsafah merupakan antara persoalan penting yang mendapat perhatian, sekurang-kurangnya dalam dua tradisi sastera yang dikaji, iaitu tradisi sastera Melayu dan tradisi sastera Barat.

1.9 Kepentingan Kajian

Menerusi analisis yang akan dijalankan dalam Bab 4 nanti bagi mencapai objektif-objektif yang telah digariskan, kajian ini berkepentingan dalam membuktikan kenyataan MAH dan Ungku Maimunah bahawa kedua-dua buah novel *PM* dan *EC* merupakan novel yang mengandungi ilmu/falsafah dalam sebuah analisis yang sistematik dan terperinci. Selain itu, penting untuk dinyatakan bahawa pembuktian ini tidak dijalankan dengan memanfaatkan PB sebagaimana yang dinyatakan oleh MAH dan Ungku Maimunah, sebaliknya dianalisis menerusi kerangka "Fiksyen Falsafah" cetusan Jukka Mikkonen. Di pihak novel *PM*, pemanfaatan kerangka analisis "Fiksyen Falsafah" ini membuka peluang untuk meluaskan korpus perbincangan. Manakala di pihak novel *EC*, kerangka yang sama berpotensi untuk menyerlahkan kedudukan fiksyen sebagai medium untuk menyampaikan ilmu/falsafah. Dengan merangkumkan kedua-dua buah novel dalam satu penelitian, kajian ini

berkepentingan untuk menyerlahkan satu perbandingan antara dua tradisi besar yang memainkan peranan penting dalam penghasilan karya iaitu kesusasteraan Melayu dan kesusasteraan Barat. Dengan kata lain, penelitian ini juga berkepentingan untuk menyerlahkan kedudukan fiksyen sebagai medium bagi menyampaikan ilmu/falsafah dalam kedua-dua tradisi yang disebutkan, sekaligus memperakukan soal ilmu/falsafah merupakan soal yang menjadi keprihatinan sejagat.



BIBLIOGRAFI

- Abdullah Tahir. (Februari 1995). *Aligupit* novel sindiran, *Dewan Sastera*, 35-37.
- Abdullah Tahir. (1995). Novel-novel Mohd. Affandi Hassan: Meneliti kemungkinan penerapan konsep "Persuratan Baru Melayu". Dibentangkan dalam Kongres Bahasa Melayu Sedunia bertempat di Kuala Lumpur, Malaysia pada 21-25 Ogos 1995.
- Adler, M. J. (1993). *The four dimensions of philosophy*. New York: Scribner.
- Albersten, K. E. (2016). J. M. Coetzee constructive ambiguity: A close reading of *Disgrace* and *Elizabeth Costello*. Tesis Master. University of Oslo, Norway.
- Attridge, D. (2019). Molly Bloom and Elizabeth Costello: Coetzee's female characters and the limits of sympathetic imagination, dlm. S. Kossew, M. Harvey (eds). *Reading Coetzee's women*, 39-53.
- Bassnett, S. (1993). *Comparative literature: A critical introduction*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Bate, W. J. (1945). The sympathetic imagination in eighteenth century English criticism, *ELH*, 12(2), 144-164.
- Caldwell, C. S. (2011). Imagining the other: The possibilities and limits of the sympathetic imagination in J. M. Coetzee's recent fiction. Tesis Master, Indiana University, Indiana.
- Cambridge international dictionary of English*. (2001). London: Cambridge University Press.
- Carstensen, T. (2007). Shattering the word-mirror in *Elizabeth Costello*: J. M. Coetzee's deconstructive experiment, *Journal of Commonwealth Literature*, 42(1), 79-96.
- Coetzee, J. M. & Atwell, D. (1992). *Doubling the point: Essays and interviews*. Massachusetts: Harvard University Press.
- Coetzee, J. M. (2004). *Elizabeth Costello*. London: Vintage.
- Coetzee's literary prowess becomes immortalised. (2018). *University of Capetown Alumni News*, p. 16.
- Collins dictionary and thesaurus*. (2000). Glasgow: HarperCollins Publisher.
- Corstius, J. B. (1968). *Introduction to the comparative study of literature*. New York: Random House.
- Dmitriu, I. (2018). *The schooldays of Jesus* (2016): A novel of ideas?, *Current Writing: Text and Reception in Southern Africa*, 30(1), 55-68.
- Durrant, S. (2006). J. M. Coetzee, *Elizabeth Costello* and the limits of the sympathetic imagination, dlm. Jane Poyner (Ed.), *J. M. Coetzee and the idea of the public intellectual*, 118-134. Ohio: Ohio University Press.
- Dziub, N. (2019). Practical introduction, dlm. Nikol Dziub & Frederique Toudoire-Surlapierre (Eds.), *Comparative literature in Europe: Challenges and perspectives*, 15-21. Newcastle: Cambridge Scholars Publishing.

- Eaker, A. (April 2017). *Elizabeth Costello* by J. M. Coetzee, *The Yale Review of Books*, diakses dari <http://yalereviewofbooks.com/elizabeth-costello-by-j-m-coetze/>
- Gabriel, G. (1982). Fiction and truth: Reconsidered, *Poetics*, 11(4-6), 541-551.
- Garvey, J. & Stangroom, J. (2013). *The story of philosophy: A history of Western thought*. London: Quercus Publishing.
- Glosari istilah kesusasteraan*. (1988). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gradinaru, C. (2015). Philosophy, literature and the faith of the ironist, *Meta: Research in hermeneutics, phenomenology and practical philosophy*, 7(2), 321-335.
- Guillen, C. (1993). *The challenge of comparative literature*. Trans. Cola Franzen. Cambridge: Harvard University Press.
- Hastings, J. (2002). *Dictionary of literary terms*. Petaling Jaya: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Hellemaier, K. (2011). Secular study and suffering: J. M. Coetzee's "The humanities in Africa", *Scrutiny2: Issues in English Studies in Southern Africa*, 16(1), 42-52.
- Holman, C. H., Harmon, W. & Thrall, W. F. (1992). *A handbook to literature*. New York: MacMillan Publishing Company.
- Hugo von Hofmannsthal. (1902). The letter of Lord Chandos, *Jubilat*, 11, 56-67.
- Jamudin Idris. (18 Jun 1994). Affandi Hassan merobah konvensi sastera?, *Berita Harian*, diakses pada 24 Julai 2018 di Pusat Media PTSL, UKM.
- Junaidah Zainal. (1996). Simbolisme: Satu kajian terhadap karya-karya Mohd. Affandi Hassan, Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Universiti Malaya.
- Klopper, D. (2008). "We are not made for revelation": Letters to Francis Bacon in the postscript to J. M. Coetzee's *Elizabeth Costello*, *English in Africa*, 35(2), 119-132.
- Koppe, T. dan Langkau, J. (2017). Fiction, self-knowledge and knowledge of the self, *Diegesis*, 6(1), 46-57.
- Lappin, E. (13 Oktober 2003). Narrative free-styling from new Nobel Laureate, *The Observer*, diakses pada 30 Januari 2019.
- Lewis, D. (1978). Truth in fiction, *American Philosophical Quarterly*, 15(1), 37-46.
- Lodge, D. (1992). *The art of fiction*. London: Secker & Warburg.
- Lodge, D. (20 November 2003). Disturbing the peace, *New York Book of Review*, diakses pada 27 Julai 2018.
- Mailer, N. (2004). *The spooky art: Thoughts on writing*. Manhattan: Random House Trade Paperbacks.
- Margolis, J. (1965). *The language of art & art criticism*. Detroit: Wayne State University Press.
- Mars-Jones, A. (14 September 2003). It's very novel, but is it actually a novel?, *The Guardian*, diakses pada 27 Julai 2018.
- McCormick, P. (1983). Moral knowledge and fiction, *Journal of Aesthetic and Art Criticism*, 41(4), 399-410.

- McKenzie, St. Hope Earl. (2016). Sculpting ideas: Can philosophy be an art form?, *Philosophy and Literature*, 40(1), 34-43.
- Meor Mohamad Sollehuiddin Abd. Rani. (2016). Konsep 'persuratan' dan konsep 'sastera' dalam novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan, Projek Ilmiah Tahun Akhir, Universiti Putra Malaysia.
- Mikkonen, J. (2013). *The cognitive value of philosophical fiction*. London: Bloomsbury.
- Mohamad Azley Ahmad. (1998). Kritikan moral dalam novel: Tumpuan retorik terhadap novel *Wajah Pendeta* karya Mohd. Affandi Hassan, Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Universiti Malaya.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2002). *Pujangga Melayu* Mohd. Affandi Hassan: Satu interpretasi pemikiran pengarang. Dibentangkan dalam majlis Diskusi Buku *Pujangga Melayu* bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur pada 27 Februari 2002.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani. (2008). *Gagasan Persuratan Baru*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani. (2014). *Gagasan Persuratan Baru edisi kedua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. (September 1994). Mengapa saya menulis *Aligupit?*, *Dewan Masyarakat*, 9-11.
- Mohd. Affandi Hassan. (1997). *Pujangga Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Affandi Hassan. Novel mini ensiklopedia, *Pujangga Melayu*, edisi ke-2 2017, sudah terbit dengan tambahan lengkap index. <http://pbaru.blogspot.com/2017/04/novel-mini-ensiklopedia-pujangga-melayu.html>. Diakses pada 29 Disember 2019.
- Mohd. Faizal Musa. (2011). Wacana pendidikan anak-anak dalam novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(2), 33-41.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2004). Seksualiti dalam novel Melayu: Satu analisis teks berdasarkan Persuratan Baru. Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2006). Wacana seksualiti insan dalam novel *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan, *SARI*, 24, 121-159.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2008). 'Wacana' dan 'cerita' dalam novel *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan, *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(2), 187-201.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2008). Poligami dan gender dalam *Tok Guru* karya Shahnon Ahmad dan *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan, *Akademika*, 74(1) 3-20.

- Moore, C. (8 September 2003). Lessons drawn from fiction, *The Telegraph*, diakses pada 27 Julai 2018.
- Mosca, V. (2012). "A purgatory of clichés": *Elizabeth Costello* and the impossible paradise for writers, *Other Modernities*, 5, 127-139.
- Murphet, J. (2011). Coetzee and late style: Exile within form. *Twentieth Century Literature*, 57(1), 86-104.
- Nemesio, A. (1999). The comparative method and the study of literature, *CLCWeb: Comparative Literature and Culture* 1(1), 1-4.
- Norizan Othman. (2000). Watak dan perwatakan dalam novel Mohd. Affandi Hassan. Projek Ilmiah Tahun Akhir, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Nozick, R. (1981). *Philosophical explanations*. Massachusetts: The Belknap Press of Harvard University Press.
- Nur Fatiha Fadila Abu Bakar. (2014). Intelektualisme dalam lima novel Anwar Ridhwan. Tesis Master, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Patte, D. (Ed.). (2010). *The Cambridge dictionary of Christianity*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Pippin, R. (2017). Philosophical fiction? In J. M. Coetzee's *Elizabeth Costello*. *Republic of Letters*, 5(1), 1-14, diakses dari <https://arcade.stanford.edu/rofl/philosophical-fiction-jm-coetzees-elizabeth-costello>
- Plumer, G. (2017). Analogy, supposition and transcendentalism in narrative argument, dlm Paula Olmos (Ed.), *Narration as argument*, 63-82. Gewerbestrasse: Springer International Publishing.
- Puchner, M. (2011). J. M. Coetzee's novels of thinking, *Raritan: A Quarterly Review*, 30(4), 1-12.
- Quinn, E. (2000). *A Dictionary of literary and thematic terms*. New York: Checkmark Books Publishing.
- R. Sharatha a/p Ramasamy. (2007). *Pujangga Melayu* dari sudut pendekatan Persuratan Baru. Tesis Master, Universiti Malaya, Malaysia.
- Russell, B. (1972). *A history of Western philosophy*. New York: Simon and Schuster Inc.
- Schultz, R. A. (1979). Analogues of argument in fictional narrative, *Poetics*, 8(1-2), 231-244.
- Seamon, R. (1989). The story of the moral: The function of thematizing in literary criticism, *The Journal of Aesthetics and Art Criticism*, 47(3), 229-236.
- Semler, J. T. (2012). Bare life and metamorphic being: Nazi propaganda, Agamben, Coetzee and Kafka. Tesis Ph.D, University of Chicago, Illinois, Amerika Syarikat.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2002). *Pujangga Melayu* pujangga idaman: Problematika identiti Melayu-Muslim Malaysia. Dibentangkan dalam majlis Diskusi Buku *Pujangga Melayu* bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur pada 27 Februari 2002.

- Sparshott, F. E. (1967). Truth in fiction, *The Journal of Aesthetics and Art Criticism*, 26(1), 3-7.
- Stone, A. A. (2004). Review of the book *Elizabeth Costello* by J. M. Coetzee. *Am J Psychiatry*, 161(12), 2336-2337.
- Taylor, D. J. (30 Ogos 2003). *Elizabeth Costello* by J. M. Coetzee, *The Independent*, diakses pada 30 Januari 2019.
- The Oxford English Dictionary. Volume I A-Bazouki.* (1991). Oxford: Oxford University Press.
- The Swedish Academy. (2003). *The Nobel Prize in Literature 2003*, diakses dari <https://www.nobelprize.org/prizes/literature/2003/summary/>
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2002). *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan: Satu perbincangan awal. Dibentangkan dalam majlis Diskusi Buku *Pujangga Melayu* bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur pada 27 Februari 2002.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2002). Bagaimanakah *Pujangga Melayu* harus ditafsirkan. *Dewan Sastera*, Ogos, 36-43.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2007). *Kritikan sastera Melayu: Antara cerita dengan ilmu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2008). Salam Maria dari perspektif Persuratan Baru, dalam Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani, *Gagasan Persuratan Baru*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2009). *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2010). *Midaq Alley* by Naquib Mahfouz: An analytical appraisal based on Mohd. Affandi Hassan's theoretical framework, *Persuratan Baru*, 3L *The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 16(1), 74-99.
- Urmson, J. O. (1976). VII. Fiction, *American Philosophical Quarterly*, 13(2), 153-157.
- Villanueva, D. (2013). Possibilities and limits of comparative literature today, dlm. Zepetnek, S. T. & Mukherjee, T. (Eds.). *Companion to comparative literature, world literatures, and comparative cultural studies*, 49-62. New Delhi: Cambridge University Press India Pvt. Ltd.
- Wan Zaida Wan Yusoff. (2009). *Pemikiran dalam novel Mohd. Affandi Hassan: Analisis dari sudut kajian budaya*. Tesis Master, Universiti Malaya, Malaysia.
- Watt, I. (1963). *The rise of the novel*. Middlesex: Penguin Books Ltd.
- Webster's third new international dictionary of the English language unabridged with seven language dictionary. Volume II H-R.* (1981). Chicago: G & C Merriam Company.
- Webster's third new international dictionary of the English language unabridged with seven language dictionary. Volume 1 A-G.* (1981). Chicago: G & C Merriam Company.
- Wellek, R. & Warren, A. (1954). *Theory of literature*. London: Iowe & Brydone Ltd.

Wood, J. (2008). *How fiction works*. London: Picador.

Yuhastina. (2016). *Ranah-budi dalam novel Indonesia dan Malaysia*. Tesis Ph.D, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.

Zepetnek, S. T. (1998). *Comparative literature: Theory, method, application*. Amsterdam: Rodopi.



BIODATA PELAJAR

Nudra Shafini binti Halis Azhan dilahirkan pada 25 Mei 1995 di Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal di SK Taman Ria, Sungai Petani (2002-2003), SK Putrajaya 3, Putrajaya (2004-2007), SMK Putrajaya Presint 16 (1), Putrajaya (2008-2010) dan SM Sains Seri Puteri, Kuala Lumpur (2011-2012) dalam aliran Sains Tulen. Beliau kemudiannya menyambung pengajian peringkat Asasi di UiTM Shah Alam dalam bidang Undang-Undang (2013-2014), diikuti peringkat Bachelo di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Komunikasi (Kewartawanan) (2014-2018). Beliau menerima Ijazah Bachelo Komunikasi (Kelas Pertama) dan Anugerah Pelajar Terbaik Jabatan Komunikasi bersempena Istiadat Konvokesyen ke-46 Universiti Putra Malaysia. Pada Februari 2018, beliau menyambung pengajian ke peringkat Master dalam bidang Kesusasteraan Melayu di universiti yang sama.

Sepanjang pengajian Master, beliau telah diberi ilmu dan bimbingan yang rapi oleh Jawatankuasa Penyeliaan Tesis iaitu Prof. Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani dan Prof. Madya Dr. Salmah Jan Noor Muhammad untuk menulis artikel jurnal dan bab dalam buku, selain membentangkan kertas kerja dalam konferens antarabangsa dan kolokium kebangsaan.

Tiga buah artikel yang diusahakan bersama-sama dua penyeliaanya telah diterima untuk penerbitan jurnal berwasit serta berindeks Scopus, iaitu:

1. **Nudra Shafini Halis Azhan**, Mohd. Zariat Abdul Rani dan Salmah Jan Noor Muhammad. (2021). Kesusasteraan Melayu dan Persuratan Baru: Satu pengamatan kritis tentang sambutan kesarjanaan. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 29(2), bakal terbit.
2. **Nudra Shafini Halis Azhan**, Mohd. Zariat Abdul Rani dan Salmah Jan Noor Muhammad. (2021). Kesusasteraan Melayu dan "Novel Persuratan": Satu pengamatan kritis tentang sambutan terhadap *Pujangga Melayu*. *Kemanusiaan: Asian Journal of Humanities*, 28(1), bakal terbit.
3. **Nudra Shafini Halis Azhan**, Mohd. Zariat Abdul Rani dan Salmah Jan Noor Muhammad. "Moderate propositional theory of literary truth" oleh Jukka Mikkonen: Satu pengenalan terhadap kesusasteraan Melayu moden. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, bakal terbit.

Manakala, sebuah bab dalam buku telah diterima untuk buku berjudul *Eksplorasi Idea & Pemikiran Melalui Bahasa dan Sastera* (terbitan UPM Press), iaitu:

1. **Nudra Shafini Halis Azhan**, Mohd. Zariat Abdul Rani dan Salmah Jan Noor Muhammad. (2020). Idea dan peranan watak sampingan dalam novel Elizabeth Costello karya J. M. Coetzee. Dlm. Zaitul Azma Zainon

Hamzah, Sharil Nizam Sha'ri & Hasnah Mohamad. *Eksplorasi idea & pemikiran melalui bahasa dan sastra*, Serdang: UPM Press, hlm. 148-158.

Selain itu, beliau telah membentangkan dua buah kertas kerja di konferens antarabangsa dan kolokium kebangsaan, iaitu:

1. **Nudra Shafini Halis Azhan**, Mohd. Zariat Abdul Rani dan Salmah Jan Noor Muhammad. "Gagasan Persuratan Baru: Satu Penelitian Korpus Kepustakaan". The 28th International Conference on Literature, Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Indonesia, 11-13 Julai 2019.
2. **Nudra Shafini Halis Azhan**, Mohd. Zariat Abdul Rani dan Salmah Jan Noor Muhammad. "Taklif, Islam dan Kesusasteraan: Dapatan-Dapatan Ilmiah Tentang Novel *Pujangga Melayu* Karya Mohd. Affandi Hassan". Kolokium Penyelidikan Siswazah Kebangsaan, Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka, 14 November 2019.

Sepanjang pengajian Master juga, beliau telah mengikuti beberapa siri kuliah dan simposium, antaranya ialah:

1. Kuliah Siri Pandangan Hidup Islam (WISE) anjuran Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM) bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka pada Januari-Mei 2019.
2. Syarahan Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud ("Wacana Intelektual: Peranan Universiti dan Budaya Ilmu") anjuran Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia pada 22 November 2019.
3. Syarahan Prof. Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Siri Kuliah Tasawwur Islam dalam Kesusasteraan Melayu), bertempat di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia pada 6 Disember 2019.
4. International Symposium on Syed Muhammad Naquib al-Attas: Philosophical and Civilizational Dimensions anjuran RZS-CASIS bertempat di Universiti Teknologi Malaysia pada 15 Februari 2020.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUS CONFIRMATION FOR THESIS / PROJECT REPORT AND COPYRIGHT

ACADEMIC SESSION : _____

TITLE OF THESIS / PROJECT REPORT :

NAME OF STUDENT : _____

I acknowledge that the copyright and other intellectual property in the thesis/project report belonged to Universiti Putra Malaysia and I agree to allow this thesis/project report to be placed at the library under the following terms:

1. This thesis/project report is the property of Universiti Putra Malaysia.
2. The library of Universiti Putra Malaysia has the right to make copies for educational purposes only.
3. The library of Universiti Putra Malaysia is allowed to make copies of this thesis for academic exchange.

I declare that this thesis is classified as :

*Please tick (v)

CONFIDENTIAL

(Contain confidential information under Official Secret Act 1972).

RESTRICTED

(Contains restricted information as specified by the organization/institution where research was done).

OPEN ACCESS

I agree that my thesis/project report to be published as hard copy or online open access.

This thesis is submitted for :

PATENT

Embargo from _____ until _____
(date) (date)

Approved by:

(Signature of Student)
New IC No/ Passport No.:

Date :

(Signature of Chairman of Supervisory Committee)
Name:

Date :

[Note : If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization/institution with period and reasons for confidentially or restricted.]